

THE ALUMNI

MENEMUKAN SUARA DIRI: KENANGAN **ZAIREEN** **RAZAK** BERSAMA YUGO

Bagi Zaireen Razak, dunia pengacaraan bukan sekadar tentang suara yang lantang atau senyuman di pentas — tetapi tentang perjalanan mengenal diri dan keberanian untuk bersuara. Perjalanan itu bermula di satu tempat yang istimewa: Bengkel Pengacaraan anjuran YouGo Training.

Langkah Pertama: Dari Minat Menjadi Keberanian

“Bengkel ketika itu difokuskan untuk Emcee, Radio & TV (ERTV). Saya sertai kerana minat terhadap dunia penyiaran, dan ingin tambah ilmu serta skil dalam platform emcee,” ujar Zaireen, mengenang kembali langkah pertamanya.

Bagi Zaireen, minat semata-mata tidak mencukupi. Beliau sedar bahawa untuk berdiri di hadapan khalayak dengan yakin, seseorang perlu ilmu, latihan, dan bimbingan yang betul. Dan bengkel YouGo menjadi ruang pertama yang membuka peluang itu.


Mengatasi Ketakutan dan Menemui Identiti Diri

Sebelum menyertai bengkel, Zaireen mengakui cabaran paling besar ialah mencari identiti dan keyakinan diri. “Saya selalu rasa takut dengan ujibakat — takut ditolak sebab rasa diri tak cukup pakej. Tapi sebenarnya, saya cuma perlu fokus pada kekuatan bakat sendiri,” katanya jujur.

Bengkel tersebut menjadi titik perubahan apabila beliau belajar bahawa keyakinan bukan datang dari kesempurnaan, tetapi dari penerimaan terhadap diri sendiri.

Bimbingan yang Membuka Perspektif

Antara pengalaman paling bermakna buat Zaireen ialah sesi bersama Halim Othman, personaliti terkenal yang membimbing peserta melalui latihan praktikal berasaskan pengalaman sebenar dalam dunia radio dan televisyen. “Latihan seperti simulasi ujibakat, set studio dan ‘stand upper’ menjadikan kami betul-betul faham cabaran sebenar dunia penyiaran,” ujarinya. Ia bukan lagi sekadar teori — tetapi pengalaman yang menguji spontaniti, emosi, dan kematangan profesional.



BAGI ZAIREEN, BENGKEL INI JUGA MEDAN PEMBENTUKAN DIRI. ANTARA ILMU YANG KEKAL DIGUNAKANNYA HINGGA TERMASUK PENGGUNAAN CUE CARD , SENI BERTANYA, DAN CARA MENUKAR RASA GUGUP MENJADI TENAGA POSITIF.



Ilmu yang Kekal Dalam Ingatan

Bagi Zaireen, bengkel ini bukan sekadar tempat belajar, tetapi juga medan pembentukan diri. Antara ilmu yang kekal digunakannya hingga hari ini termasuk penggunaan *cue card* dengan efektif, seni bertanyal, dan cara menukar rasa gugup menjadi tenaga positif.

“Dulu bila gugup, saya cepat panik. Tapi selepas bengkel, saya belajar ubah rasa tu jadi semangat. Itu perubahan besar yang saya syukuri.”

Kenangan yang Tidak Boleh Dilupakan

Dalam dunia emcee, tidak semua berjalan lancar. Zaireen pernah berdepan detik mencabar — skrip ucapan dibawa pulang oleh VVIP tanpa sengaja dan perubahan atur cara saat akhir di atas pentas. Tapi semua itu pengalaman yang mendidik. Kita belajar jadi tenang, bijak kawal keadaan, dan paling penting, tak pernah berhenti belajar,” katanya sambil tersenyum.

Komuniti yang Mengikat Ukhuwah

Salah satu perkara yang paling dihargai oleh Zaireen ialah komuniti alumni YouGo yang kekal aktif hingga kini. “Bila habis bengkel, bukan bermakna habis belajar. Kami masih ada platform untuk rujukan dan bimbingan. Malah, ada sesi bonus bersama personaliti seperti Ally Iskandar dan Allahyarham Jiman — satu pengalaman yang amat bernilai.” Komuniti ini menjadi ruang sokongan yang bukan hanya menghidupkan semangat, tetapi juga memperkukuh hubungan antara alumni yang sama minat dan perjuangan.

Pesan dan Refleksi Buat Generasi Baru

Menutup bicara, Zaireen menitipkan pesanan untuk mereka yang masih ragu untuk tampil ke hadapan:

“Belajarlh daripada mereka yang pernah melalui jalan yang sama. Pengalaman sebenar adalah guru paling jujur. Semua orang pernah takut — tapi yang membezakan hanyalah siapa yang berani melangkah dulu. *Just beat it!*”

Dari Bengkel ke Pentas Kehidupan

Bagi Zaireen Razak, Bengkel Pengacaraan oleh YouGo bukan sekadar program latihan — ia adalah permulaan kepada sebuah transformasi diri.

Di sinilah beliau belajar bahawa setiap suara mempunyai nilai, setiap langkah mempunyai cerita, dan setiap pentas membawa peluang untuk menyebarkan inspirasi.

Kini, setiap kali mikrofon dipegang dan nama diumumkan sebagai pengacara majlis, Zaireen tahu di sebalik keyakinan itu, ada kenangan indah bersama YouGo yang menjadi titik mula segalanya.

Zaireen Razak

Alumni Bengkel Pengacaraan (ERTV),

YouGo Training

Emcee & Pengacara majlis korporat, sosial dan komuniti

Ikuti Zaireen di tiktok/zaireen_razak

YouGo Training & Media Consultancy berbangga menjadi sebahagian daripada perjalanan transformasi Zaireen Razak sebagai pengacara. Kami percaya masih ramai lagi seperti beliau yang hanya menunggu peluang untuk menyerlah. Sertailah kami dan jadilah sebahagian daripada komuniti emcee yang berbakat, yakin dan berani di YouGo.